



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KESIAPSIAGAAN MENGHADAPI BANJIR MONSUN TIMUR LAUT 2023/2024

9 NOVEMBER 2023

Jabatan Meteorologi Malaysia telah mengeluarkan kenyataan bahawa Monsun Timur Laut (MTL) 2023/2024 atau musim tengkujuh di Malaysia dijangka bermula pada 11 November 2023 dan berterusan sehingga Mac 2024. Dalam tempoh ini, empat hingga enam episod hujan lebat dijangka berlaku. Hujan lebat berterusan untuk tempoh beberapa hari boleh mengakibatkan kejadian banjir di kawasan berkedudukan rendah dan kawasan kerap banjir. Sekiranya hujan lebat berterusan berlaku serentak dengan kejadian air pasang besar dan luruan ribut, risiko kejadian banjir boleh menjadi lebih ekstrem.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa bersedia sedia untuk memberi perkhidmatan terbaik bagi meneruskan kesinambungan perkhidmatan kesihatan kepada mangsa-mangsa banjir dan juga bagi mencegah penularan penyakit berjangkit yang boleh berlaku semasa banjir. Beberapa siri mesyuarat kesiapsiagaan bagi menghadapi banjir telah diadakan oleh semua Jabatan Kesihatan Negeri (JKN).

Kesiapsiagaan yang diambil bagi menghadapi banjir termasuk:

1. Memastikan anggota dan pasukan sentiasa bersedia bagi menghadapi bencana banjir.
2. Memastikan keperluan air bersih/ logistik/ ubatan/ peralatan/ komunikasi dan lain-lain bagi kelangsungan perkhidmatan kesihatan semasa bencana.
3. Mengemaskini senarai fasiliti kesihatan berisiko banjir dan fasiliti alternatif untuk beroperasi bagi menjamin kesinambungan perkhidmatan kesihatan semasa banjir.
4. Meningkatkan aktiviti komunikasi risiko bagi mencegah risiko penyakit berjangkit semasa banjir.
5. Memastikan golongan berisiko tinggi seperti kes antenatal dan penyakit kronik yang memerlukan rawatan kritikal dikenalpasti dan dipindahkan awal bagi mengelakkan terputus rawatan.
6. Memastikan pesakit kronik diberikan bekalan ubat yang mencukupi bagi mengelakkan terputus bekalan semasa banjir.
7. Mengenalpasti pusat rawatan hemodialisis alternatif sekiranya pusat hemodialisis hospital atau pusat asal pesakit terjejas bagi memastikan kelangsungan rawatan.
8. Memastikan aset dan peralatan di fasiliti berisiko banjir ditempatkan di lokasi yang selamat bagi mengelakkan kerosakan dan kerugian.
9. Memastikan semua sistem sokongan hospital, bekalan gas perubatan, bekalan darah, peralatan pakai buang, bekalan bahan mentah, makanan kering berada dalam fungsi yang baik dan mencukupi.
10. Memastikan stok ubat-ubatan untuk pencegahan dan rawatan penyakit bawaan air dan makanan semasa banjir mencukupi bagi kegunaan anggota penyelamat dan mangsa banjir.

Pasukan yang terlibat bagi menghadapi bencana banjir adalah:

- Pasukan perubatan yang berperanan melawat dan memberi rawatan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS);
- Pasukan kesihatan bagi melakukan pemantauan, pencegahan, dan kawalan penyakit serta pemeriksaan persekitaran di PPS;
- Pasukan *Mental Health and Psychosocial Support Services* (MHPSS) bagi memberikan dan menyelaraskan perkhidmatan sokongan psikososial kepada mangsa dan petugas;
- Pasukan *Rapid Assessment Team* (RAT) dan *Rapid Response Team* (RRT) bertanggungjawab membuat penilaian dan memberi respon bagi mencegah dan mengawal kejadian wabak semasa banjir.

KKM ingin menasihatkan orang ramai yang tinggal di kawasan-kawasan yang berisiko banjir supaya sentiasa bersedia dan berwaspada serta mematuhi arahan-arahan pihak yang berwajib, khususnya keperluan untuk berpindah awal. Ini dapat mengelakkan sebarang kesulitan serta mengelak daripada berlakunya kemalangan dan kehilangan jiwa.

Maklumat lanjut mengenai langkah-langkah pencegahan penyakit semasa banjir boleh dirujuk di laman sesawang <https://www.infosihat.gov.my/banjir.html>.

DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN
KETUA PENGARAH KESIHATAN
9 NOVEMBER 2023